

19/02/2003

Anggota disaran tolak pendekatan perang

PETALING JAYA: Lebih banyak gabungan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) menyuarakan pandangan supaya negara anggota Sidang Kemuncak Persidangan Negara-Negara Berkecuali menolak pendekatan peperangan sebagai jalan penyelesaian isu Iraq.

Presiden Pergerakan Keadilan Sedunia, Dr Chandra Muzaffar berkata, pihaknya berkongsi pendirian dengan beberapa pertubuhan agama di rantau Asia Pasifik bahawa pelaksanaan pelucutan senjata pemusnah besar-besaran perlu dijadikan agenda utama perbincangan sidang kemuncak berkenaan.

Katanya, sidang kemuncak NAM yang akan diadakan di sini, di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) mulai Khamis ini hingga 25 Februari akan datang, perlu memberi fokus isu keamanan sejagat dengan melihat perkembangan politik antarabangsa.

Beliau berkata, pelaksanaan pelucutan senjata pemusnah besar-besaran itu tidak hanya dilakukan terhadap Iraq dan serta beberapa negara Asia Barat, sebaliknya ia mesti juga dilaksanakan oleh seluruh masyarakat antarabangsa terutama, Amerika Syarikat yang memiliki simpanan senjata nuklear terbesar.

"Pelaksanaan pelucutan senjata di Asia Barat itu sepatutnya diadakan selaras dengan menangani konflik Arab-Israel dan sebuah negara Palestin yang merdeka dan berdaulat perlu diwujudkan bersama-sama dengan kewujudan Israel.

"Selain itu, Bukit Golan juga perlu diserahkan kembali kepada Syria di samping kedua-dua Syria dan Israel menghormati persempadanan dan kedaulatan Lebanon," katanya pada sidang akhbar di ibu pejabat Pergerakan Keadilan Sedunia di Damansara Jaya dekat sini, semalam.

Pendirian isu keamanan itu turut dikongsi dan ditandatangani bersama beberapa wakil NGO lain termasuk Presiden International Christian Movement - Pax Christi (Australia), Melbourne, Profesor Joseph Camilleri; Presiden International Network of Engaged Buddhists, Bangkok, Ajarn Sulak Sivaraksa; Presiden Muhammadiyah, Jakarta, Dr Ahmad Syafii Maarif dan Presiden World Council of Arya Samaj, New Delhi, India, Swami Agnivesh.

Kenyataan itu juga disiarkan serentak semalam di beberapa ibu negara di Asia Pasifik iaitu di New Delhi, India; Melbourne, Australia; Bangkok, Thailand dan Jakarta, Indonesia.

Chandra berkata, pihaknya turut menghantar kenyataan berhubung pendirian itu kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang bakal menyandang jawatan Pengerusi Sidang Kemuncak NAM, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar.